

MODUL 9

SAINS TAHUN 6

TARIKH: 11.11.21
KHAMIS

MASA: 9.00 am-
10.00 am



CLICK HERE



ULANGKAJI: BAHAN BUANGAN



1. Apakah yang dimaksudkan dengan bahan buangan? *

- ☐ Bahan yang tidak diperlukan lagi dan tidak mahu disimpan
- ☐ Bahan yang berasal daripada haiwan, tumbuhan, batuan dan petroleum
- ☐ Bahan yang boleh dikategorikan mengikut jenis-jenisnya
- ☐ Bahan yang berasal dari rumah domestik dan kilang perindustrian

2. Rajah menunjukkan beberapa jenis bahan buangan. Apakah kesimpulan yang paling tepat tentang bahan buangan tersebut? *



- ☐ Bahan buangan yang memberi kesan kepada kesihatan kita
- ☐ Bahan buangan yang boleh dikitar semula
- ☐ Bahan buangan yang boleh terbiodegradasikan
- ☐ Bahan buangan yang tidak boleh terbiodegradasikan

3. Bahan buangan yang manakah boleh ditanam di dalam tanah? *



☐ Pilihan 1



☐ Pilihan 2



☐ Pilihan 3



☐ Pilihan 4

4. Antara berikut, yang manakah merupakan bahan buangan yang tidak terbiodegradasikan? *

- ☐ Kulit buah
- ☐ pohon kayu
- ☐ Surat khabar
- ☐ Botol plastik

ULANGKAJI: BAHAN BUANGAN



5. Maklumat berikut menunjukkan bahan-bahan yang dikelaskan dalam kumpulan Y. Antara berikut, yang manakah TIDAK dikelaskan dalam kumpulan yang betul? *

- Kaca
- Kertas
- Logam
- Plastik

- ☐ Kaca
- ☐ Kertas
- ☐ Logam
- ☐ Plastik

6. Apakah yang dimaksudkan dengan bahan buangan tidak terbiodegradasikan? *

- ☐ Bahan buangan yang boleh mencemarkan alam sekitar
- ☐ Bahan buangan yang tidak boleh direputkan oleh mikroorganisma
- ☐ Bahan buangan yang boleh direputkan oleh mikroorganisma
- ☐ Bahan buangan yang boleh kekal di dalam tanah untuk satu jangka masa yang panjang

7. Antara pernyataan berikut, yang manakah benar? *

- ☐ Botol kaca boleh terbiodegradasikan
- ☐ Bahan kumuh boleh terbiodegradasikan
- ☐ Sisa toksik boleh terbiodegradasikan
- ☐ Sisa makanan tidak boleh terbiodegradasikan

8. Rajah menunjukkan sejenis bahan buangan. Pilih pernyataan yang tepat mengenai bahan buangan ini. *



- ☐ Merupakan bahan buangan organik
- ☐ Akan mereput dan menjadi nutrien di dalam tanah
- ☐ Merupakan bahan buangan terbiodegradasikan
- ☐ Tidak boleh direputkan oleh mikroorganisma

ULANGKAJI: BAHAN BUANGAN



9. Apakah yang akan terjadi sekiranya bahan buangan yang tidak terbiodegradasikan digunakan secara tidak berhemah? *

- ☐ Meningkatkan masalah sosial
- ☐ Menyebabkan kepupusan haiwan
- ☐ Menyebabkan pencemaran alam sekitar
- ☐ Bahan buangan itu akan direput oleh mikroorganisma

10. Jumlah pesakit demam denggi semakin meningkat sepanjang bulan Julai hingga Ogos. Antara berikut, yang manakah boleh dikaitkan dengan perkara ini? *

- ☐ Banyak tin kosong dan bekas makanan yang dibuang di merata-rata tempat
- ☐ Sisa makanan dibuang dan dilonggokkan di tepi jalan
- ☐ Kempen kitar semula tidak dijalankan
- ☐ Penyakit demam denggi boleh dijangkiti melalui udara

11. Maklumat di bawah menerangkan aktiviti yang dilakukan oleh dua orang murid. Berdasarkan aktiviti murid, apakah kesan yang boleh berlaku? *

- Mona membuang sampah ke dalam sungai.
- Lidia membuang sisa makanan ke dalam longkang.

- ☐ Pencemaran udara
- ☐ Pencemaran air
- ☐ Pencemaran global
- ☐ Penyebaran penyakit demam denggi


ULANGKAJI: BAHAN BUANGAN



12. Syarikat pengangkutan sampah di sebuah kawasan perumahan telah diarahkan untuk menghentikan operasinya di kawasan itu. Apakah masalah yang mungkin dihadapi oleh penduduk di situ? *

- ☐ Bau busuk
- ☐ Pencemaran udara
- ☐ Kekurangan air
- ☐ Air paip yang kotor

13. Rajah menunjukkan jumlah bahan buangan yang dikumpulkan pada suatu kawasan. Apakah yang dapat disimpulkan berdasarkan rajah ini? *



- ☐ Kertas lebih banyak dibuang berbanding dengan kaca dan botol plastik
- ☐ Logam paling sedikit dibuang tetapi lebih banyak dibuang daripada kaca
- ☐ Botol plastik paling banyak dibuang berbanding dengan kertas, kaca dan logam
- ☐ Jumlah bahan buangan kertas, kaca dan logam adalah lebih banyak berbanding dengan botol plastik

14. Antara berikut, yang manakah merupakan cara pengurusan bahan buangan dengan betul? *

- ☐ Menanam botol di belakang rumah
- ☐ Membakar daun kering yang dikumpulkan
- ☐ Meletakkan sampah di dalam tong sampah tertutup
- ☐ Menyalurkan air dari kilang ke dalam sungai yang berdekatan